

## BAB II

### RIWAYAT HIDUP SYEIKH NAWAWI AL-BANTĀNĪ

#### 2.1 PENGENALAN

Nama Syeikh Nawawi Banten sudah tidak asing lagi bagi umat Islam di Nusantara. Bahkan sering terdengar disamakan kebesarannya dengan tokoh ulama klasik mazhab Shāfi'ī Imam al-Nawawī<sup>1</sup> (w.676 H/1277 M). Melalui karya-karyanya yang tersebar di beberapa pondok pesantren tradisional yang sampai sekarang masih banyak dikaji, nama Kiai asal Banten ini seakan masih hidup dan terus menyertai umat menyampaikan risalah Islam yang menyejukkan. Di setiap majlis ta'lim karyanya selalu dijadikan rujukan utama dalam berbagai ilmu; dari ilmu tauhid, fiqh, tasawuf sampai tafsir al-Qur`an. Karya-karyanya sangat berjasa dalam mengarahkan tradisi keilmuan yang dikembangkan di lembaga-lembaga pondok pesantren yang berada di bawah naungan organisasi Nahdatul Ulama. Di antara karyanya yang masyhur adalah Tafsir *Marāḥ Labīd*, satu karya tafsir lengkap berbahasa Arab yang dihasilkan oleh ulama Nusantara, yang ditulis pada akhir abad ke-19.

Pada bab ini penulis akan memperkenalkan satu tokoh ulama Nusantara, yaitu Syeikh Muhammad Nawawi al-Bantānī, yang mengandungi kondisi sosial politik pada masa kelahirannya, nama penuh, tarikh kelahiran, pendidikan dan rihlah ilmiah, guru-guru beliau, murid-muridnya, sikap dan pandangannya, karya-karyanya dan kewafatannya. Setelah itu saya beranjak memperkenalkan karya tafsir beliau yaitu tafsir

---

<sup>1</sup> Nama penuh Imam al-Nawawī ialah Muḥyi al-Dīn Abu Zakariya Yaḥyā bin Sharaf bin Murī bin Ḥasan al-Nawawī al-Dimashqī, beliau dilahirkan di Nawa pada tahun 631 H. al-Nawawi terkenal sebagai seorang pakar di dalam ilmu hadith dan fiqh. Di antara karyanya ialah: ulasan atas *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*, *Mihāj al-Ṭālibīn*, *al-Majmū'* dan sebagainya. Beliau meninggal dunia di Nawa pada tahun 676 H. Lihat: al-Ziriklī (2002), *al-A'lām, Qāmūs Tarājum*, c.15, j.8, Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, h. 149.

*Marāḥ Labīd*, yang mencakupi nama dan maksud kitab, sejarah penulisan, tempat dan masa penulisan, isi kandungan kitab, serta rujukan utama tafsir *Marāḥ Labīd*.

## 2.2 RIWAYAT HIDUP SYEIKH NAWAWI AL-BANTĀNĪ

### 2.2.1 Situasi Sosial Politik Pada Masa Kelahirannya

Pada abad ke 19, Banten merupakan negeri yang terkenal dengan umat Islamnya yang lebih taat beragama dibandingkan dengan daerah-daerah lain di Jawa, dan perbandingan ini mungkin juga berlaku terhadap kebanyakan wilayah di Nusantara. Sebagaimana dikemukakan oleh Snouck Hurgronje bahawa penduduk Banten lebih taat dibandingkan dengan orang Jawa lainnya dalam melaksanakan berbagai kewajiban keagamaan. Dalam kesultanan Banten pada masa itu, Pakih Najamuddin, sebutan bagi hakim tertinggi atau *qāḍī*, merupakan salah seorang yang amat berpengaruh dalam negeri tersebut, kedudukan Pakih di Banten jauh lebih kuat dibandingkan dengan kedudukan *qāḍī* kerajaan-kerajaan yang lain di Jawa, selain itu ia juga sangat berpengaruh dalam memainkan peranan politik. Pakih Najamuddin-lah yang melantik dan memecat pegawai-pegawai keagamaan di peringkat desa. Gelar para pegawai tersebut ialah *amil* dan *penghulu*<sup>2</sup>. *Amil* bertugas untuk mengumpulkan zakat, manakala *penghulu* mengawasi pengurusan masjid serta menguruskan perkahwinan, perceraian, dan yang terpenting ialah menjadi hakim pada peringkat daerah.<sup>3</sup>

Pada tahun kelahirannya, kesultanan Banten berada pada periode terakhir yang pada waktu itu diperintah oleh Sultan Muhammad Rafiuddin (1813-1820 M). Pada tahun 1813 M, Belanda melalui gabenor Raffles memaksa Sultan Muhammad Rafiuddin

---

<sup>2</sup> Penghulu ialah ketua yang mengurus hal-hal agama Islam, disebut juga *qadi*. Lihat: Hajah Noresah bt. Baharom (2005), *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1173.

<sup>3</sup> Martin Van Bruinessen (1995), *Kitab Kuning, Pesantren, dan Tarekat: Tradisi-tradisi Islam di Indonesia*, cet. 1, Bandung: Mizan, h.246-247, 256.

untuk menyerahkan kekuasaannya setelah dianggap tidak dapat mengendalikan Negara. Dengan memanfaatkan Rafiuddin yang sudah mulai melemah kekuasaannya, Belanda secara bertahap mengurangi peranan Sultan dalam pemerintahan Banten. Akhirnya pada tahun 1832 dengan rasmi keraton dipindahkan ke Serang dan struktur pemerintahan pun dikuasai oleh seorang Bupati yang diangkat oleh pemerintah Belanda. Sejak itulah kebesaran Banten runtuh dan hanya menjadi kenangan sejarah.<sup>4</sup>

Bersamaan dengan runtuhnya kesultanan Banten, jawatan Pakih Najamuddin juga dihapuskan oleh Belanda, pegawai-pegawai keagamaan pada masa berikutnya dilantik oleh pemerintah Belanda dengan tetap menggunakan nama yang sama, iaitu *amil* atau *penghulu*, tetapi tugas mereka sudah dibatasi dan tidak lagi mengurus zakat. Kedudukan pegawai keagamaan telah direndahkan oleh pemerintah Belanda di mata masyarakat Banten.<sup>5</sup> Di tengah-tengah suasana politik seperti ini masa kanak-kanak Nawawi hidup bersama ayahnya yang menjawat sebagai *penghulu* agama, suatu jawatan pemerintahan Belanda untuk mengurus perkara-perkara perkahwinan, masjid dan masalah-masalah agama Islam secara umum, suatu pekerjaan yang kelak tidak disetujui oleh Muhammad Nawawi kerana ia menganggap hal ini merupakan satu bentuk kerja sama dengan penguasa kafir, yakni Belanda.<sup>6</sup>

### 2.2.2 Nama Penuh, Kelahiran dan Salasilah Keturunan

Nama penuh beliau ialah Abū ‘Abd al-Mu’ṭī Muḥammad bin ‘Umar bin Arabi al-Tanārī al-Bantānī al-Jāwī, yang kemudian lebih dikenal dengan sebutan Syeikh Nawawi al-Bantānī.<sup>7</sup> Dilahirkan di kampung Tanara, Serang, Banten pada tahun 1230

---

<sup>4</sup> Mamat S. Burhanuddin (2006), *Hermeneutika Al-Qur`an Ala Pesantren*, Yogyakarta: UII Press, h. 20

<sup>5</sup> Martin Van Bruinessen (1995), *op. cit.*, h. 257.

<sup>6</sup> Mamat S. Burhanuddin (2006), *op. cit.*, h. 20

<sup>7</sup> *al-Jāwī* adalah istilah yang dipakai oleh orang Arab dan Mesir untuk menyebut para pelajar di Makkah dan Madinah yang berasal daripada wilayah kepulauan Indonesia, Filipina, Malaysia dan Thailand, atau yang menunjukkan erti sebagai “orang-orang yang berbahasa Melayu”, dan istilah *al-Bantānī* ialah merujuk kepada asal Nawawi iaitu Banten. *Ibid.*

H, bersamaan dengan 1815 M.<sup>8</sup> Menurut Chaidar, tahun kelahirannya bersamaan dengan 1813 M.<sup>9</sup>

Yuyun Rodiana dalam kajiannya mengatakan bahawa penyebutan Chaidar mengenai tahun kelahiran tersebut dalam tarikh Masihi adalah keliru. Sebab jika dilihat dari persesuaian antara tarikh Hijriah dengan tarikh Masihi, tahun 1230 H sama dengan tahun 1814 M dan 1915 M. Jelasnya bulan Muharam 1230 H sama dengan bulan Disember 1814 M, manakala bulan Safar 1230 H sudah masuk tahun baru dalam tarikh Masehi, iaitu Januari 1815 M.<sup>10</sup>

Ayah Nawawi bernama K.H. Umar bin Arabi, seorang ulama yang memimpin masjid dan pendidikan Islam serta menjadi *penghulu* di Tanara, Banten. Ibunya Zubaidah adalah penduduk asli Tanara. Nawawi hidup bersama tujuh adik-beradik iaitu: Nawawi, Ahmad Shihabuddin, Sa'id, Tamin, Abdullah, Shakilah dan Shahriyah.<sup>11</sup>

Dari salasilahnya, Nawawi merupakan keturunan kesultanan yang ke 12 dari Maulana Syarif Hidayatullah (Sunan Gunung Jati, Cirebon), iaitu keturunan dari putera Maulana Hasanudin (Sultan Banten I) yang bernama Sunyararas. Nasabnya bersambung dengan Nabi Muhammad melalui imam Ja'far al-Ṣādiq. Adapun salasilah keturunan beliau dari sebelah bapa ialah sebagai berikut:

Nawawi → Kyai Umar → Kyai Arabi → Kyai Ali → Ki Jamal → Ki Janta →  
Ki Masbugil → Ki Masqun → Ki Masnun → Ki Maswi → Ki Tajul Arusy Tanara →

---

<sup>8</sup> C. E. Bosworth et al (1993), *The Encyclopaedia of Islam*, Leiden: E. J. Brill, j. 7, h. 1040; Mahyudin Hj. Yahya (1987), *Ensiklopedia Sejarah Islam*, j. 3, Bangi: Penerbit UKM, h. 972; Haji Hasan Haji Hamzah (1995), *Ensiklopedia Malaysiana*, j. 9, Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd. h. 55; Lihat juga: 'Umar Riḍa Kaḥḥālāh (1993), *Mu'jam al-Mu'allifīn, Tarājum Muṣannif al-Kutub al-Arabiah*, j. 3, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 563; Khair al-Dīn al-Ziriklī (2002), *al-A'lām, Qāmūs Tarājum*, c. 15, j. 6, Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, h. 318.

<sup>9</sup> Chaidar (1979), *Sejarah Pujangga Islam Syaikh Nawawi al-Bantani Indonesia*, Jakarta: CV. Sarana Utama, h. 5.

<sup>10</sup> Yuyun Rodiana (1990), *Syaikh Nawawi al-Bantani: Riwayat Hidup dan Sumbangannya Terhadap Islam*, Skripsi, Fakultas Sastera, Universitas Indonesia, Jakarta, h. 12.

<sup>11</sup> Salahuddin Hamid dan Iskandar Ahza (2003), *Seratus Tokoh Islam Yang Paling Berpengaruh di Indonesia*, Jakarta: Intimedia Ciptanusantara, h. 87

Maulana Hasanuddin Banten → Maulana Sharif Hidayatullah Cirebon → Raja Amatuddin Abdullah → Ali Nuruddin → Maulana Jamaluddin Akbar Husain → Imam Sayyid Ahmad Shāh Jalāl → Abdullah Adhmah Khan → Amir Abdullah Malik → Sayyid 'Alwī → Sayyid Muhammad Ṣāhib Mirbaṭ → Sayyid 'Alī Khali Qāsīm → Sayyid 'Alwī → Imam Ubaydillāh → Imam Ahmad Muhajir Ilallāh → Imam 'Īsā al-Naqīb → Imam Muhammad Naqīb → Imam 'Alī al-Riḍā → Imam Ja'far al-Ṣādiq → Imam Muhammad al-Bāqir → Imam 'Alī Zainal 'Ābidīn → Sayyidunā Husayn → Sayyidatunā Fāṭimah al-Zahrā → Muhammad Rasulullah s.a.w..

Manakala salasilah keturunan Nawawi dari sebelah ibu ialah: Nawawi → Nyi Zubaidah → Muhammad Singaraja.<sup>12</sup>

Dari salasilah di atas, tampak jelas bahawa Syeikh Nawawi adalah keturunan Maulana Hasanuddin atau Pangeran Sabakingking, Sultan Banten yang pertama. Sedangkan Sultan Maulana Hasanuddin tidak lain adalah putera Syarif Hidayatullah atau Sunan Gunung Jati, salah seorang Walisongo yang menyebarkan Islam di Jawa Barat. Walhasil, Syeikh Nawawi adalah keturunan para orang terpandang dari kalangan penguasa dan ulama.

### **2.2.3 Pendidikan Dan Rihlah Ilmiah**

Masyarakat Banten adalah masyarakat yang memiliki semangat keagamaan yang sangat tinggi. Ini tercermin lewat kehidupan masyarakatnya yang sarat dengan nilai-nilai keagamaan. Nilai-nilai ini pula menghiasi keluarga K.H. Umar, seorang ulama yang tinggal di Desa Tanara, Kecamatan Tirtayasa, Banten.

Syeikh Nawawi lahir dan tumbuh dalam sebuah keluarga dari seorang ulama yang sangat mencintai ilmu, terutama ilmu agama. Ayahnya, K.H Umar bin Arabi

---

<sup>12</sup> Didin Hafiduddin (1987), *Warisan Intelektual Islam, Tinjauan Atas Tafsir al-Munir Karya Imam Muhammad Nawawi Tanara*, Mizan: Bandung, h. 40.

adalah ulama dan penghulu Desa Tanara dan juga pemimpin sebuah masjid di desa tersebut. Di masjid itu pula K.H. Umar mengadakan pertemuan-pertemuan dengan para ulama lain demi membicarakan masalah-masalah keagamaan. Selain itu, dia juga memberikan pelajaran agama kepada sejumlah murid di masjid tersebut, termasuk kepada putera-puterinya sendiri. Ibu Syeikh Nawawi pula, Nyai Zubaidah, adalah seorang wanita solehah. Selama syeikh Nawawi dalam kandungan, ibunya sentiasa berdoa untuk anak pertamanya itu.<sup>13</sup>

Semasa kanak-kanak, Nawawi pernah meminta izin dengan ibu kandungnya untuk pergi mengaji menuntut ilmu, maka ibunya merestui sang anak yang dikasihinya dengan pesan: "Aku doakan dan aku restui kepergianmu mengaji dengan satu syarat: Jangan pulang sebelum pohon yang kelapa yang sengaja aku tanam berbuah!". Ibunya berharap agar anaknya menuntut ilmu secara sungguh-sungguh dan tidak cepat puas.<sup>14</sup>

Sejak kecil, Nawawi bersama saudara-saudaranya, Tamim dan Ahmad belajar ilmu pengetahuan agama Islam daripada ayahnya sendiri. Ilmu-ilmu yang dipelajari meliputi pengetahuan dasar bahasa Arab, Fiqh, Tauhid, dan Tafsir. Mereka juga belajar pada Kiai Sahal, seorang ulama terkenal di daerah Banten. Kemudian mereka diutus oleh ayahnya ke Purwakarta untuk melanjutkan pengajiannya kepada Kyai Yusuf, seorang ulama terkenal yang menarik perhatian para pelajar yang berkelana dari seluruh Jawa, terutamanya dari daerah Jawa bahagian Barat.<sup>15</sup>

Pada usia yang ke 15 tahun ia mendapat kesempatan pergi ke Makkah untuk menunaikan ibadah haji. Di sana ia memanfaatkan masanya untuk belajar ilmu Kalam, Bahasa dan Sastera Arab, ilmu Hadith, Tafsir dan ilmu Fiqh kepada para ulama Makkah. Syeikh Nawawi dikenal sebagai seorang yang rajin dan tekun dalam mencari

---

<sup>13</sup> Chaidar (1979), *op. cit.*, h. 8.

<sup>14</sup> Salahuddin Hamid et al. (2003). *op. cit.*, h. 87

<sup>15</sup> Zamakhsyari Dhofier (1982), *Tradisi Pesantren, Studi Tentang Pandangan Hidup Kyai*, Jakarta: Penerbit LP3S, h. 87

ilmu, dengan kecerdasannya pada usia 18 tahun ia telah berhasil menghafal seluruh al-Qur`an.<sup>16</sup>

Setelah tiga tahun belajar di Makkah ia pulang ke tanah airnya, yaitu pada tahun 1833 dengan khazanah ilmu keagamaan yang relatif cukup lengkap untuk membantu ayahnya mengajar para pelajar di pondoknya. Kedatangannya membuat pondok pesantren yang dibina ayahnya ramai didatangi oleh para pelajar yang datang dari berbagai pelosok.

Akan tetapi suasana politik saat itu, di mana kekuasaan kerajaan Banten dirampas oleh imperialis Belanda, dan setiap gerak-gerik ulama diawasi, termasuk kegiatan Nawawi, hal ini sangat mengganggu pikiran Nawawi. Oleh itu, sekitar tahun 1855 beliau memutuskan untuk kembali lagi ke Makkah dan menetap selamanya di sana. Kepergiannya merupakan satu betuk strategi perlawanan melalui jalur pendidikan, yakni dengan mengkader tokoh-tokoh agama yang datang belajar ke Makkah. Di samping juga beliau memperdalam lagi ilmunya dengan berguru kepada ulama-ulama di Makkah.<sup>17</sup>

Semangat yang tinggi menyebabkan beliau berkelana mencari dan mendalami berbagai ilmu pengetahuan ke negeri-negeri lain, seperti Mesir dan Syam (Syria). Di tempat ini beliau belajar kepada ulama-ulama besar. Di antara gurunya di Mesir ialah Syeikh Yūsuf Sumbulawīnī.<sup>18</sup>

Selama di Makkah beliau tinggal di kampung Shi'ib 'Ali. Dan ia berkahwin dengan Nasimah dan Hamdanah. Dengan Nasimah ia memperoleh 3 orang anak iaitu:

---

<sup>16</sup> Salahuddin Hamid et al. (2003). *op. cit.*, h. 88

<sup>17</sup> Mamat S. Burhanuddin (2006), *op. cit.*, h. 22; Nor Huda (2007), *Islam Nusantara, Sejarah Sosial Intelektual Islam Indonesia*, Jokjakarta: Ar-Ruzz Media, h 350

<sup>18</sup> Didin Hafiduddin (1987), *op. cit.*, h. 41.

Mariam, Nafisah dan Ruqayyah. Manakala dengan Hamdanah hanya mendapati satu orang anak, yang bernama Zuhro.<sup>19</sup>

#### 2.2.4 Guru-Guru Syeikh Nawawi

Syeikh Nawawi adalah seorang yang sentiasa haus akan ilmu pengetahuan, ini ditandai dengan gurunya yang ramai,<sup>20</sup> di antara guru-gurunya yang terkenal ialah:

1. Sayyid Aḥmad Naḥrawī
2. Sayyid Aḥmad Dimyāṭī
3. Sayyid Aḥmad Zaini Dahlan
4. Syeikh Mohammad Khatib al-Ḥambalī
5. Syeikh Muhammad Khatib Sambas
6. Syeikh Abdul Ghani Bima.
7. Syeikh Yusuf Sumbulawīnī.
8. Syeikh Abdul Ḥamid Dagastānī.
9. Syeikh Ibrahim al-Bayjūrī.
10. Syeikh Muhammad bin Sulaymān Hasb Allāh al-Mālikī.
11. Syeikh Mahmud Kinān al-Falimbānī.
12. Syeikh ‘Aqīq bin Ḥasan al-Dīn al-Falimbānī.
13. Syeikh Yusuf bin Arsyad al-Banjārī.
14. Syeikh Shihāb al-Dīn.<sup>21</sup>

---

<sup>19</sup> Salahuddin Hamid (2003), *op. cit.*, h. 88

<sup>20</sup> Zamakhshari menyebut bahawa antara tahun 1830-1860 Syeikh Nawawi memfokuskan masanya untuk belajar kepada para ulama-ulama besar. Lihat: Zamakhshari Dhofier (1982), *op. cit.*, h. 88

<sup>21</sup> Salahuddin Hamid (2003), *op. cit.*, h.88; Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2007), *Akhbar Harian Utusan Malaysia*, 15 Julai 2007; ‘Umar ‘Abd al-Jabbār (1982), *Siyar wa Tarājum Ba’d ‘Ulamāina fī al-Qarn al-Rābi’ ‘Asharah lī al-Hijrah*, cet. 3, Jeddah: al-Nashir Tuhāmah, h. 288; lihat juga: Agus Sutopo (2008), *Sumbangan Nawawi al-Bantani Dalam Bidang Hadith: Kajian Terhadap Kitab Tanqīḥ al-Qawl*, Disertasi MA, Bahagian Usuluddin, Jabatan al-Qur`an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 36.



### 2.2.5 Murid-Murid Syeikh Nawawi

Syeikh Nawawi telah mengabdikan hampir seluruh usianya untuk berkhidmat kepada ilmu, sama ada belajar, mengajar mahupun menulis. Dengan bekal pengetahuan agama yang telah ditekuninya selama 30 tahun di Makkah, Syeikh Nawawi telah menguasai berbagai disiplin ilmu agama. Kemudian mengajarkannya setiap hari di *Masjid al-Ḥaram*, Ma'had Naṣr al-Ma'ārif al-Diniyyah dan di rumahnya.<sup>22</sup> Syeikh Nawawi dikenal sebagai guru yang disukai banyak murid, tidak kurang dari 200 murid yang setia menghadiri kuliah-kuliah yang dibawakannya, sebahagian besar muridnya berasal dari daerah Asia Tenggara. Di antara murid-muridnya yang terkenal ialah:

1. K.H. Hasyim Asy'ari, pendiri pondok pesantren Tebuireng, Jombang, Jawa Timur. Dia juga pendiri organisasi Nahḍah al-'Ulama.
2. K.H. Khalil, seorang tokoh pondok pesantren di Bangkalan, Madura, Jawa Timur.
3. K.H. Asy'ari, Bawaian, yang kemudian diambil menantu oleh Syeikh Nawawi, dinikahkan dengan puterinya yang bernama Maryam.
4. K.H. Nahjun, Tangerang, yang dijadikan menantu keluarga Syeikh Nawawi. Beliau dinikahkan dengan cucu Syeikh Nawawi yang bernama Salmah binti Ruqayyah binti Syeikh Nawawi.
5. K. H. Maḥfūz Termas, salah seorang ulama terkenal di Makkah, juga seorang penulis kitab, di antara karyanya: *Minḥāj Dhawi al-Nazar*.
6. K.H. Ahmad Dahlan, tokoh dan pendiri organisasi Muhammadiyah yang didirikan pada tahun 1912 di Yokyakarta.
7. K.H. Tubagus Muhammad Asnawi, Caringin, Jawa Barat.
8. K.H. Tubagus Bakri, Sempur, Purwakarta, Jawa Barat.

---

<sup>22</sup> Samsul Munir Amin (2009), *Sayyid Ulama Hijaz, Biografi Syaikh Nawawi al-Bantani*, Yogyakarta: Pustaka Pesantren, h. 95-96.

9. K.H. Raden Asnawi, Kudus, Jawa Tengah.
10. K.H. Abd. Gaffar, Serang, Banten, Jawa Barat.
11. K.H. Ilyas, Serang, Banten, Jawa Barat.
12. K.H. Dawud, Perak, Malaysia.
13. Syeikh ‘Abd al-Sattār al-Dahlawī, salah seorang murid Syeikh Nawawi dari Dehli, India.<sup>23</sup>

Snouck Hurgronje menjelaskan bahawa para pelajar Indonesia yang belajar di Makkah menggunakan bahasa Jawa dan Melayu sebagai sarana penterjemahan teks Arab dan pengantar pendidikan kerana sesetengah pelajar belum terbiasa menggunakan bahasa Arab. Syeikh Nawawi memberikan kuliah kepada murid-muridnya di sebuah ruangan yang luas di lantai pertama rumahnya. Setiap hari beliau mengajar antara pukul 7.30 sampai pukul 12.00. beliau memberikan sekitar tiga kuliah yang disesuaikan dengan keperluan muridnya.<sup>24</sup>

Keberhasilan Syeikh Nawawi mengajarkan ilmu agama kepada para muridnya menjadi fakta yang tidak terbantahkan. Hampir seluruh lini pendidikan pondok pesantren di Indonesia, terutama di Jawa, mempunyai keterikatan intelektual dengan Syeikh Nawawi. Majoriti para pengasas pondok pesantren awal di Indonesia pernah menuntut ilmu atau berguru kepada Syeikh Nawawi sama ada melalui karyanya mahupun para muridnya. Zamakhsyari Dhofier menjelaskan bahawa para kiai besar di Jawa dari segi asal-usulnya telah mewarisi tradisi intelektual Syeikh Nawawi kerana sebahagian besar mereka pernah menuntut ilmu di Makkah kepada Syeikh Nawawi sendiri atau kepada muridnya yang berada di Indonesia mahupun di tanah Arab.<sup>25</sup>

---

<sup>23</sup> Didin Hafiduddin (2003), *op. cit.*, h. 41.

<sup>24</sup> Snouk Hurgronje (1970), *Mecca in the Letter Part*, Leiden: E.J. Brill, h. 268-269.

<sup>25</sup> Zamakhsyari Dhofier (1982), *op. cit.*, h. 68.

### 2.2.6 Kerjaya dan Pengabdianya

Dengan bekal ilmu yang telah ditekuni selama bertahun-tahun di Makkah, Syeikh Nawawi telah menguasai dan mendalami berbagai disiplin ilmu agama, kemudian beliau mengajarkan ilmunya setiap hari di *Masjid al-Haram*, murid-muridnya berasal daripada berbagai penjuru dunia, yang kebanyakannya berasal daripada Asia Tenggara. Tidak sedikit di antara mereka mengajarkan kembali karya-karya syeikh Nawawi di daerah asalnya. Ini memberikan pengaruh tersendiri dalam wacana ajaran Islam di kemudian hari di kawasan tersebut.<sup>26</sup>

Di samping membina pengajian melalui murid-muridnya, Syeikh Nawawi memantau perkembangan situasi politik di tanah air dan memberikan cadangan-cadangan demi kemajuan masyarakat Indonesia. Syeikh Nawawi juga aktif membina perkumpulan koloni Jawa, yang menghimpun masyarakat Indonesia yang bermukim di Makkah. Aktiviti koloni Jawa ini mendapat perhatian dan pengawasan daripada pemerintah kolonial Belanda. Pada sekitar tahun 1831 M, Nawawi pulang ke Indonesia. Di Banten ia membina pondok pesantren peninggalan orang tuanya. Namun kerana situasi politik yang tidak menguntungkan, setelah tiga tahun ia membina pondok pesantren, ia kembali ke Makkah meneruskan kegiatan ilmiahnya.

Berkat kedalaman Ilmunya dalam berbagai bidang masalah keagamaan, maka putera Banten yang cemerlang ini memperoleh kedudukan yang tinggi dan memegang peranan dalam menetapkan ketentuan-ketentuan hukum fiqh. Atas prestasi tersebut, beliau diberi penghargaan gelar sebagai: 1) *Fuqahā`* dan *Ḥukamā`* terakhir, 2) *'Ulamā` al-Hijāz*, 3) *Imam 'Ulamā` al-Haramayn*, dan 4) Guru Besar pada *Nashr al-Ma'ārif al-*

---

<sup>26</sup> Mamat S. Burhanuddin (2006), *op. cit.*, h. 25.

*D̄iniyyah*. Dengan keharuman namanya, Banten menjadi dikenal oleh murid-muridnya dan para jemaah haji di seluruh dunia.<sup>27</sup>

Syeikh Nawawi juga pernah mencuba aktif menjadi Syeikh haji, iaitu sebagai pembimbing jemaah haji sebagaimana yang di jalankan oleh adiknya, Tamim. Namun, segera ia tinggalkan kerana ia merasa bahawa itu bukan seorang tipa berbakat dalam mencari wang dan berkehidupan mewah. Para muridnya pun menyarankan demikian kerana pekerjaan itu tidak cocok dengan kedudukannya sebagai ilmuwan. Oleh itu, Nawawi membiarkan salah satu isterinya berniaga demi memenuhi keperluan hidup sehari-hari. Beliau memperisteri dua wanita yang berasal daripada Banten: Nasimah dan Hamdanah. Keduanya dengan setia mendampingi Nawawi yang berkerjaya sebagai guru.<sup>28</sup>

Profesinya sebagai pengajar ia tekuni secara serius, sehingga hari-harinya disibukkan dengan mengajar mulai dari pagi hingga siang. Sebahagian besar aktiviti pembelajarannya diadakan di rumahnya sendiri. Namun pada tahun 1870 kesibukannya bertambah kerana ia harus banyak menulis kitab. Inisiatif menulis ini datang daripada desakan sebahagian sahabatnya yang meminta untuk menuliskan beberapa kitab. Kitab-kitab yang beliau tulis sebahagian besarnya adalah kitab-kitab komentar atau ulasan atas karya-karya ulama sebelumnya yang popular dan dianggap sulit difahami. Selain kerana permintaan orang lain, Nawawi juga berkeinginan untuk memelihara karya pendahulunya yang sering mengalami perubahan (*taḥrīf*) dan pengurangan. *Taḥrīf* ini berlaku kerana sering kali suatu naskhah yang tidak diterbitkan ditransmisikan dari satu generasi ke generasi berikutnya dengan cara disalin atau ditulis ulang dengan tangan

---

<sup>27</sup> Salahuddin Hamid (2003), *op. cit.*, h. 89

<sup>28</sup> Karel A. Steenbrink (1984), *Beberapa Aspek Tentang Islam di Indonesia Abad ke-19*, cet. 1, Jakarta: Bulan Bintang, h. 122; Lihat juga: Mamat S. Burhanuddin (2006), *op. cit.*, h. 24.

oleh muridnya. Oleh itu diperlukan penjelasan secara menyeluruh tentang naskah tersebut.<sup>29</sup>

### 2.2.7 Karya-Karyanya

Sejak abad ke-16 M karya-karya para ulama Nusantara, yang terkenal sebagai ulama Jawi, menghiasi dan meramaikan tradisi penulisan dalam disiplin ilmu agama Islam. Para ulama tersebut seakan berlumba-lumba untuk menulis kitab. Kebanyakan karya mereka ditulis dalam tulisan jawi yang dicetak di percetakan Timur Tengah. Ramai ulama Nusantara yang dikenal lantaran karya-karya mereka yang tersebar di berbagai wilayah dunia Islam. Sebelum masa Syeikh Nawawi, di antara ulama Nusantara yang dikenal sebagai pengarang adalah Syeikh Nuruddin al-Ranīrī, Hamzah al-Fanṣūrī, ‘Abd al-Ra`ūf Singkel, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjārī dan lain sebagainya. Meneladani para ulama besar pendahulu, selain mengajar dan mendidik para murid, Syeikh Nawawi juga menggunakan waktunya untuk menulis berbagai kitab. Lantaran karyanya yang terbilang cukup banyak, Syeikh Nawawi sering disebut sebagai pengarang produktif.

Pada tahun 1884/1885 Snouck Hurgronje mengunjungi Makkah selama enam bulan untuk meneliti keperibadian syeikh Nawawi, ia menyebut bahawa ulama yang berasal daripada Tanara itu telah mengarang kurang lebih 20 kitab yang keseluruhannya ditulis dalam bahasa Arab.<sup>30</sup> Auni Haji Abdullah pula menyebut bahawa Syeikh Nawawi telah menghasilkan 24 buah karya.<sup>31</sup> Manakala menurut Rafiuddin Ramli, sebagaimana yang dinukilkan oleh Didin Hafiduddin, buah karya beliau sebanyak 115

---

<sup>29</sup> Ibid., h. 28. Lihat juga: Zamakhsyari Dhofier (1982), *op. cit.*, h. 88

<sup>30</sup> Karel A. Steenbrink (1984), *op. cit.*, h. 120.

<sup>31</sup> Auni Haji Abdullah (2005), *Tradisi Pemerintahan Islam & Kolonialisme dalam Sejarah Melayu*, Cet. 1, Kuala Lumpur: Darul Fikir, h. 36. pendapat yang sama juga dikemukakan oleh Martin Van Bruinessen, lihat: Martin Van Bruinessen (19950, *op. cit.*, h. 128.

kitab, atau 99 kitab menurut riwayat lain.<sup>32</sup> Semua karyanya beliau tulis dalam bahasa Arab yang meliputi segala bidang agama dan tersebar di Indonesia serta di Jazirah Arab. Di antara karya-karya beliau ialah:

- Dalam bidang Tafsir, Beliau telah menulis Tafsir *Marāḥ Labīd li Kashf Ma'nā al-Qur`ān al-Majīd*, dipanggil juga: *al-Tafsīr al-Munīr li Ma'ālim al-Tanzīl*, dan dikenal dengan *al-Tafsīr al-Nawawī*.
- Dalam bidang Hadith, beliau menulis *Tanqīḥ al-Qawl al-Ḥathīth fī Sharḥ Lubāb al-Ḥadīth*. Kitab ini adalah syarah atas *Lubāb al-Ḥadīth* karya Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (W. 911) yang memuat empat puluh hadith keutamaan.
- Karyanya dalam bidang fiqh:
  1. *Al-Tawshīḥ*, ulasan atas *Fatḥ al-Qarīb* karya Muḥammad bin al-Qāsim al-Ghazzī (w. 918).
  2. *Al-Fatḥ al-Mujīb*, ulasan atas *Manāqib al-Ḥajj* karya Muḥammad bin Muḥammad al-Syirbīnī al-Khatīb (w. 977 H).
  3. *Sullam al-Munājāt*, ulasan atas *Safīmah al-Ṣalāḥ* karya Sayyid 'Abdullah bin 'Umar al-Hadramī.
  4. *Al-'Aqd al-Thamīn*, ulasan atas *al-Manzūmah al-Sittīn al-Mas`alah al-Musamma bi al-Fatḥ al-Mubīn*, karya Abū al-'Abbās Ahmad bin Muhammad bin Sulaymān al-Qāhirī Shihāb al-Dīn al-Zāhid al-Shāfi'ī (w. 819 H).
  5. *Kāsyifah al-Sajā*, ulasan atas *Safīmah al-Najā*, karya Shaykh Sālim bin Sāmīr al-Ḥadramī.
  6. *Niḥāyah al-Zayn*, ulasan atas *Qurrah al-'Ayn bi Muhimmat al-Dīm*, Karya Shaykh Zayn al-Dīn Abd al-'Azīz al-Malibārī.

---

<sup>32</sup> Didin Hafiduddin (2003), *op. cit.*, h. 42

7. *Sulūk al-Jaddah*, ulasan kepada kitab *Risālah al-Muhimmah bi Lam'ah al-Mafādah fī Bayān al-Jum'ah wa al-Ma'ādah*.
  8. *'Uqūd al-Lujayn fī Bayān Huqūq al-Zawjayn*. Kitab ini membahaskan hak dan kewajiban suami isteri.
- Karyanya dalam bidang Tauhid:
    1. *Dharī'āt al-Yaqīn*, ulasan atas *Umm al-Barāhīn* oleh al-Sanūsī (w.892 H).
    2. *Nūr al-Zalām*, ulasan atas *al-Manzūmah bi 'Aqīdah al-'Awām* karya Shaykh Sayyid Aḥmad al-Marzūqī al-Makkī.
    3. *Tijān al-Durārī*, ulasan atas *Risālat fī 'ilm al-Tawḥīd* karya Shaykh Ibrāhīm al-Bayjūrī.
    4. *Qaṭr al-Ghayth*, ulasan atas *Masāil Abī Layth*, karya Imam Abū al-Laythī dan Mufassir bin Muḥammad bin al-Ḥanafī.
    5. *Ḥilyah al-Ṣibyān*, ulasan atas *Faḥ al-Raḥmān*.
    6. *Faḥ al-Majīd*, ulasan atas *al-Durr al-Farīd fī 'Ilm al-Tawḥīd*, karya Imam Ahmad Nawawī.
    7. *al-Thimār al-Yāni'ah*, ulasan atas *al-Riyāḍ al-Badī'ah fī Uṣūl al-Dīn wa Ba'd Furū' al-Sharī'ah*, karya Shaykh Muhammad Hasbullah. Kitab ini membahaskan masalah aqidah dan fiqh.
    8. *Mirqāt Su'ūd al-Taṣdīq*, ulasan atas kitab *Sullam al-Tawfīq*, karya Shaykh 'Abd Allāh Ḥusayn Ibn Ṭāhir Ibn Muhammad Ibn Hāshim Ba 'Alwī. Kitab ini juga memuat perbincangan fiqh dan akhlak.
    9. *Bahjah al-Wasā'il*, ulasan atas *al-Risālah al-Jāmi'ah Bayn Uṣūl al-Dīn wa al-Fiqh wa al-Tasawuf*, karya Shaykh Ahmad ibn Zaynī al-Ḥabshī. Selain Aqidah, kitab ini juga membahaskan masalah fiqh dan tasawuf.

10. *al-Futūḥāt al-Madaniyyah, Syarḥ ‘alā Shu’ab al-Īmān*. Kitab yang disadur dari karya Imam al-Suyūṭī dan Syaikh Muhammad Ibn ‘Arabī ini membahasakan masalah cabang-cabang iman.
- Karyanya dalam bidang Tasawuf:
    1. *Salālim al-Fudalā’*, ulsa atas *Manzūmah Hidāyah al-Azkiyā ilā Ṭariq al-Awliyā’*, karya Shaykh Imām Faḍil Zayn al-Dīn.
    2. *Qāmi’ al-Tughyān*, ulasan atas *Manzūmah fī Syu’ab al-Imān*, karya Shaykh Zayn al-Dīn bin ‘Ali Aḥmad al-Shāfi’ī al-Kawshānī al-Malibārī.
    3. *Miṣbāḥ al-Zullām*, ulasan *al-Manhāj al-Tamm fī Tabwīb al-Ḥikam*, karya ‘Ali bin Ḥusam al-Dīn al-Hindī (w. 975).
    4. *Marāqī’ al-‘Ubūdiyyah*, ulasan atas *Bidāyah al-Hidāyah*, karya Imam al-Ghazālī
    5. *Naṣāiḥ al-‘Ibād*, ulasan atas kitab al-Munbihāt ‘Alā al-Isti’dād li Yawm al-Ma’ād, karya Shaykh Shihab al-Dīn Ahmad Ibn Ahmad Ibn al-‘Asqalānī.
  - Karyanya dalam bidang Sejarah Nabi:
    1. *Bughyah al-‘Awām*, ulasan atas *Mawlīd Sayyid al-Anām*, karya Ibn al-Jawzī.
    2. *Targhīb al-Mushtāqīn li Bayān Manzūmāt Zan al-‘Ābidīn al-Barzanjī*, yang kemudian kitab ini diberi judul: *Madārij al-Su’ūd ilā Iktisā’ al-Burūd*, ulasan atas kitab *Mawlīd* karya Ja’far bin Hasan bin ‘Abd al-Karīm bin Muḥammad bin al-Khādim bin Zayn al-‘Ābidīn al-Barzanjī al-Madani (w. 1179).
    3. *al-Durar al-Bahiyyah*, komentar kepada kitab *Khaṣāiṣ al-Anbiyā’* karya al-Barzanjī.
    4. *Fatḥ al-Ṣamad*, ulasan atas kitab Mawlid al-Nabawī al-Shahīr bi al-Barzanjī, karya Shaykh Aḥmad Qāsim al-Mālikī.



5. Syeikh Nawawi juga menulis kutipan-kutipan daripada maulid yang ditulis oleh al-Qaṣṭalānī yang berjudul: *al-Ibrīz al-Dānī fī Mawlid Sayyidina Muḥammad al-Sayyid al-‘Adnān*.
- Karyanya dalam bidang bahasa Arab:
    1. *Kasyf al-Marūfī ‘an Sitār al-Ājūrumiyyah*, ulasan atas *matan al-Ājūrumiyyah* karya Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Muḥammad bin Dāwūd al-Sanhājī Ibn al-Ājurum (w. 723 H)
    2. *Faṭḥ Ghāfir al-Khaṭī‘ah alā al-Kawākib al-Jaliyyah fī Naẓm al-Ājūrumiyyah*. Kitab ini adalah ulasan atas *matan al-Ājūrumiyyah* yang beliau tulis dalam bentuk syair.
    3. *al-Fuṣūṣ al-Yaqūṭiyyah*, ulasan atas *Rawḍah al-Bahiyyah fī Abwāb al-Taṣrifīyyah*.
  - Dan karyanya dalam bidang ilmu Bayān (retorika), beliau menulis *Lubāb al-Bayān fī ‘Ilm al-Bayān*, komentar atas kitab *Risālah al-Isrāīliyyāt*.<sup>33</sup>

Dari karya-karya tulis Syeikh Nawawi di atas, dapat diketahui bahawa cakupan disiplin ilmunya sangat beragam dan luas. Pada umumnya karya-karya beliau adalah syarahan daripada kitab-kitab yang dikarang oleh para ulama pendahulunya. Hampir seluruh kitab tersebut kini dipelajari dan dijadikan rujukan utama di pondok-pondok pesantren mahupun di majlis-majlis taklim.

Berdasarkan hasil penelitian Martin Van Bruinessen ke beberapa pesantren di Indonesia, ternyata karya-karya Syeikh Nawawi masih mendominasi kurikulum sebanyak 24 pesantren di seluruh Indonesia.<sup>34</sup> Di samping itu, kira-kira 22 hasil karya

---

<sup>33</sup> *Ibid.*, h. 42-43; Mamat S. Burhanuddin (2006), *op. cit.*, h. 35-39; Mahayudin Hj. Yahya (1987), *Ensiklopedia Sejarah Islam*, j. 3, Kuala Lumpur: Karya Press SDN BHD, h. 972; lihat juga C. E. Bosworth et. al (1993), *op. cit.*, j. 7, h. 1040-1041; PT. Ikhtiar Baru (1994), *Ensiklopedi Islam*, c. 2, j. 4, Jakarta: PT. Intermedia, h. 23; Samsul Munir Amin (2009), *op. cit.*, h. 59-65.

<sup>34</sup> Martin Van Bruinessen (1995), *op. cit.*, h. 239

Syeikh Nawawi masih tersebar secara meluas, dan 11 kitab karyanya adalah termasuk dalam 100 kitab yang paling banyak digunakan di pesantren.<sup>35</sup>

### **2.2.8 Pandangan dan Sikapnya**

Sejak akhir abad ke-19 M, Syeikh Nawawi bukan lagi menjadi sosok asing di dunia pendidikan Islam, khususnya di Makkah. Syaikh Nawawi memang lebih dikenal oleh masyarakat di negeri tempatnya merantau daripada di tanah kelahirannya. Hal ini kerana lebih dari separuh hidupnya dihabiskan di perantauan. Di perantauan pula Syeikh Nawawi mencapai puncak kerjayanya sebagai ulama pengarang yang memiliki ramai murid. Meskipun demikian, kemasyhuran dan kebesaran yang dimilikinya ternyata tidak merubah sikap dan penampilan beliau. Sehari-hari beliau tetap mempunyai penampilan sederhana dan rendah hati. Orang yang tidak mengenalnya, tidak akan menyangka bahawa beliau adalah seorang ulama besar yang telah menghasilkan puluhan karya dalam bahasa Arab.<sup>36</sup>

Syeikh Nawawi memiliki beberapa pandangan dan pendirian yang khas. Sikapnya dalam menghadapi Kolonial, tidak agresif atau reaksioner. Namun demikian ia sangat anti bekerjasama dengan pihak kolonial dalam bentuk apa pun. Ia lebih suka mengarahkan perhatiannya pada pendidikan, membekali murid-muridnya dengan jiwa keagamaan dan semangat untuk menegakkan kebenaran. Adapun terhadap orang-orang kafir yang tidak menjajah, ia mengharuskan umat Islam berhubungan dengan mereka untuk kebaikan dunia. Syeikh Nawawi berpandangan bahawa semua manusia bersaudara, sekalipun itu dengan orang kafir. Ia juga menganggap bahawa pembaharuan dalam pemahaman agama perlu terus dilakukan demi menggali hakikat kebenaran. Dalam menghadapi tantangan zaman, ia memandang perlu bagi umat Islam menguasai

---

<sup>35</sup> *Ibid.*, h. 38

<sup>36</sup> Samsul Munir Amin (2009), *op. cit.*, h. 77.

berbagai bidang kemahiran. Beliau memahami bahawa perbezaan umat itu adalah rahmat dalam konteks keberagaman pandangan demi kemajuan umat Islam.<sup>37</sup>

Dalam bidang fiqh, Syeikh Nawawi memiliki kecenderungan tradisional yang masih memakai dan mempertahankan ajaran-ajaran para pendahulunya. Dalam bidang ini ia lebih dikenal sebagai corong mazhab Shāfi'ī. Nampaknya harapan ayahnya untuk menjadi seorang ulama besar dalam mazhab Shāfi'ī seperti Abū Zakariyā al-Nawawī (w. 675 H) dengan memberi nama yang sama telah menjadi kenyataan. Karya-karyanya dalam bidang ini sangat berjasa dalam penyebaran mazhab Shāfi'ī di Indonesia. Bahkan di beberapa pesantren sampai sekarang kitab karangannya masih banyak digunapakai sebagai rujukan penting dalam bidang fiqh, di antaranya: *Kāshifah al-Sajā*, *al-'Aqd al-Thamīn*, *al-Fatḥ al-Mujīb*, *al-Tawshīh* dan lain-lain.<sup>38</sup>

Dalam bidang tasawuf pula, Syeikh Nawawi mempraktikkan ajaran al-Ghazālī yang mengajarkan etika tasawuf yang sederhana. Hal ini dapat disimpulkan dari salah satu karya Nawawi yang berjudul *Marāqī al-'Ubūdiyyah*, suatu ulasan atas kitab *Bidāyah al-Hidāyah* karya Imam al-Ghazālī. Bahkan kitab *Miṣbāḥ al-Zalām*, *Qāmi' al-Ṭughyān* dan *Salālim al-Fuḍalā* yang beliau hasilkan banyak merujuk kepada kitab *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* karya al-Ghazālī. Meskipun beliau berguru kepada Syeikh Khatib Sambas, seorang ulama tasawuf asal daripada *Jawi* yang memimpin sebuah tarekat, beliau tidak ikut memimpin tarekat gurunya dan tidak juga tidak melarang muridnya untuk masuk salah satu tarekat. Ketidakterlibatan beliau dalam salah satu organisasi tarekat bukan bererti bahawa beliau sama sekali tidak menganut tarekat. Dalam bukunya berjudul *Bahjah al-Wasāil* termaktub bahawa fiqh Shāfi'ī adalah mazhabnya dan Qadiriyyah adalah tarekatnya.<sup>39</sup> Dalam pada itu, beliau memiliki pandangan bahawa

---

<sup>37</sup> Salahuddin Hamid (2003), *op. cit.*, h. 90

<sup>38</sup> Mamat S. Burhanuddin (2006), *op. cit.*, h. 35

<sup>39</sup> Nawawi al-Bantani (t.t.), *Bahjah al-Wasāil bi Sharḥ Masā'il*, Mesir: Matba'ah Mustafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 1.

keterkaitan antara praktik tarekat, syariat dan hakikat sangat erat sekali. Syeikh Nawawi tidak menolak praktik-praktik tarekat selama tidak mengajarkan hal-hal yang bercanggah dengan ajaran Islam.<sup>40</sup>

Dalam diri Syeikh Nawawi ciri yang terkesan ialah sikap bijaksana dan sederhana (*wasatīyah*) yang membezakannya dengan ulama lain. Sikap kebijaksanaan ini terlihat apabila ia dimintai fatwa oleh Sayyid Uthman bin Yahya, orang Arab yang menentang praktik tarekat di Indonesia, tentang tasawuf dan praktik tarekat yang disebutnya dengan “sistem yang derhaka”. Permintaan Sayyid Uthman ini bertujuan mencari sokongan dari syeikh Nawawi dalam mengecam praktik tarekat yang dinilai oleh pemerintah Belanda sebagai penggerak pemberontakan Banten tahun 1888. Namun secara hati-hati Nawawi menjawab dengan bahasa yang manis tanpa menyinggung perasaan Sayyid Uthman. Sebab Syeikh Nawawi tahu bahawa di satu sisi ia memahami kecenderungan masyarakat jawi yang suka akan dunia spiritual di sisi lain ia tidak mahu terlibat dalam persoalan politik.<sup>41</sup>

Kehidupan Nawawi penuh dengan kesederhanaan, beliau seorang yang masyhur kesolehannya, *tawāḍu'* dan *zāhid*. Kesederhanaannya sangat terkesan sehingga seakan-akan beliau bukanlah seorang ulama besar. Snouck yang pernah menjumpainya mengatakan bahawa syeikh Nawawi tidak mengambil berat kepada kekemasan penampilannya, sampai-sampai sekiranya fiqh Islam tidak mewajibkan kebersihan pastilah dia orang paling tidak kemas. Kerendahan hatinya tidak sahaja nampak dalam sikap pergaulannya sehari-hari, bahkan terlihat jelas juga dari sikapnya dalam setiap diskusi ilmiah. Dalam setiap dialog ilmiah ia lebih bersikap menjadi pendengar yang

---

<sup>40</sup> *Ibid.*, h. 33; Lihat juga Karel A. Steenbrink (1984), *op. cit.*, h. 121.

<sup>41</sup> *Ibid.*

baik, tidak pernah mendominasi perbualan, ia hanya berbicara apabila didesak untuk mengemukakan pendapatnya sahaja.<sup>42</sup>

### 2.2.9 Kewafatannya

Pada 25 HB Syawwal 1314 H/1897 M, Syeikh Nawawi menghembuskan nafas yang terakhir di usia yang ke 84 tahun, meninggalkan dua isteri dan tiga anak perempuan. Beliau dimakamkan di Ma'la berhampiran dengan makam Sitti Khadijah, *Umm al-Mu'minīn* isteri Rasulullah s.a.w.,<sup>43</sup> kuburan Ibn Hajar dan Sitti Asma` binti Abū Bakr al-Ṣiddīq. Beliau wafat pada saat sedang menyusun sebuah tulisan yang menghuraikan dan menjelaskan kitab *Minhāj al-Ṭālibīn* karya Imam Yahya bin Sharaf bin Mura bin Hasan al-Nawawī al-Dimashqī.<sup>44</sup>

## 2.3 KESIMPULAN

Berdasarkan huraian di atas dapat disimpulkan bahawasanya Syeikh Muhammad Nawawi al-Bantānī adalah seorang tokoh ulama terkemuka, bukan sahaja di alam Melayu bahkan di dunia Islam. Jiwa dan raganya telah beliau sumbangkan untuk berkhidmat kepada Islam melalui pendidikan. Semenjak kecil, Nawawi telah mengecap pendidikan Islam daripada keluarganya yang taat beragama, kemudian berguru kepada para ulama terkenal di Banten dan Purwakarta. Ketika berusia 15 tahun Nawawi pergi ke Tanah Suci untuk menunaikan ibadah haji. Dan menetap di Makkah untuk menimba ilmu kepada ulama-ulama besar di sana. Setelah tiga tahun, Nawawi kembali ke tanah air, lalu mengajar di pesantren ayahnya. Namun, situasi dan kondisi tanah air nampaknya tidak menguntungkan pengembangan ilmunya, akhirnya, Syeikh Nawawi kembali ke Tanah Suci dan menetap di sana untuk selamanya. Kepergiannya ke Makkah

---

<sup>42</sup> Mamat S. Burhanuddin (2006), *op. cit.*, h. 24.

<sup>43</sup> *Ibid.*, h. 26.

<sup>44</sup> Didin Hafiduddin (1987), *op. cit.*, h. 39.

bukan untuk lari daripada perjuangan, justeru ia merupakan strategi perlawanannya melalui jalur pendidikan, iaitu mendidik tokoh agama yang datang belajar ke Makkah yang kelak akan memperjuangkan kemerdekaan Indonesia.

Kecerdasan dan ketekunannya menghantarkan beliau menjadi salah satu murid yang terpendang di *Masjid al-Haram*. Ketika Syeikh Ahmad Khatib Sambas uzur untuk menjadi Imam *Masjid al-Haram*, Nawawi ditunjuk untuk menggantikannya. Sejak saat itulah ia menjadi Imam *Masjid al-Haram* dengan panggilan Syeikh Nawawi al-Jāwī. Selain menjadi Imam Masjid, ia juga mengajar dan menyelenggarakan *halaqah* (diskusi ilmiah) bagi murid-muridnya yang datang dari pelbagai belahan dunia.

Syeikh Nawawi sangat giat dalam menulis buku. Akibatnya, ia tidak memiliki waktu lagi untuk mengajar. Dan pada tahun 1870 Nawawi mulai memusatkan perhatiannya untuk menulis dan menghasilkan karya-karya ilmiah. Ia termasuk penulis yang produktif dalam melahirkan kitab-kitab mengenai berbagai persoalan agama. Beberapa kalangan lainnya malah menyebut karya-karyanya mencapai lebih dari 100 judul, meliputi berbagai disiplin ilmu, seperti tauhid, ilmu kalam, sejarah, syaria, tafsir, dan lainnya.